



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(CAWANGAN KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK MOHD ZURHARMAN BIN MOHAMAD NOR PENULIS  
SAJAK

OLEH:

SITI NOR ALIA BINTI MOHD LOKMAN 2021653004

ADIBAH MAISARAH SEZALI 2021858734

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN  
KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 5 (OKTOBER 2023- FEBRUARI 2024)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK MOHD ZURHARMAN BIN MOHAMAD NOR PENULIS SAJAK**

**OLEH:**

**SITI NOR ALIA BINTI MOHD LOKMAN 2021653004**

**ADIBAH MAISARAH SEZALI 2021858734**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 5 (OKTOBER 2023- FEBRUARI 2024)**

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, terima kasih ke atas hadrat Ilahi, kami dapat menyiapkan transkrip wawancara bersama Encik Mohd Zurharman Bin Mohamad Nor ini pada masa yang ditetapkan. Tugasan ini pastinya tidak dapat disiapkan tanpa kerjasama dan sokongan dari ahli kumpulan, pensyarah, Puan Nurulannisa, serta rakan-rakan sekelas yang sering memberi bantuan dan dorongan dalam menyiapkan tugas ini. Kami mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa Binti Abdullah atas tunjuk ajar dan maklumat yang diberikan. Kami juga turut berterima kasih kepada mereka yang telah membantu dan terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Akhir sekali, ribuan terima kasih diberikan kepada Encik Mohd Zurharman bin Mohamad Nor yang sudi menerima kami untuk menemu bual beliau. Kami menghargai segala bantuan dan dorongan yang telah diterima sepanjang menyiapkan kajian ini.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

*Abstrak: Abstrak: Kajian ini menyelidiki peranan dan pengaruh tokoh sajak dalam menghayati, menghargai, dan mempromosikan seni kreatif, terutamanya dalam genre sajak. Sesi temu bual yang mendalam dengan Encik Mohd Zurharman Bin Mohamad Nor mengungkap latar belakang peribadi, inspirasi, dan pengalaman hidupnya yang membentuk hasil karya sajak. Melalui penerapan metodologi temu bual dan pendekatan kualitatif, kajian ini juga melukiskan dampak positifnya terhadap kesedaran dan pemahaman masyarakat terhadap seni sajak. Objektif kajian melibatkan pemerhatian terhadap pandangan dan kehidupan tokoh sajak, meningkatkan kapasiti masyarakat dalam memahami sajak, dan menyelidiki perjalanan tokoh dalam arena penulisan seni kreatif. Dalam menangani pelbagai isu budaya dan identiti dalam sajak, sesi temu bual menyediakan wawasan mendalam mengenai peranan sajak sebagai medium penyuaraan isu-isu sosial, sejarah, dan perjuangan budaya. Hasil kajian menunjukkan bahawa sesi temu bual bersama tokoh sajak berjaya meningkatkan pengetahuan dan minat masyarakat terhadap sajak. Kesimpulan kajian memberi fokus kepada usaha untuk membina hubungan yang lebih rapat antara penulis sajak dan pembaca, serta merancang momentum positif dalam usaha melestarikan seni penulisan sajak dalam masyarakat. Harapannya, temu bual ini bukan hanya acara rutin, tetapi merupakan langkah awal untuk membina asas bagi aktiviti sastera yang berterusan dan melibatkan masyarakat secara aktif.*

*Kata kunci: sajak, penulis, penulisan seni kreatif, akhbar, sejarah kajian*

**Abstract:** This study investigates the role and influence of poetic figures in appreciating, appreciating, and promoting creative arts, especially in the poetic genre. An in-depth interview session with Encik Mohd Zurharman Bin Mohamad Nor revealed his personal background, inspiration, and life experiences that shaped his poetry. Through the application of interview methodology and a qualitative approach, this study also depicts the positive impact on the community's awareness and understanding of the art of poetry. The objective of the study involves observing the views and lives of poetic figures, improving the capacity of the community to understand poetry, and investigating the character's journey in the arena of creative art writing. In dealing with various issues of culture and identity in poetry, the interview session provides an in-depth insight into the role of poetry as a medium for voicing social issues, history, and cultural struggles. The results of the study show that the interview session with poetry figures successfully increased the community's knowledge and interest in poetry. The conclusion of the study focuses on efforts to build a closer relationship between poetry writers and readers, as well as planning a positive momentum in the effort to preserve the art of poetry writing in society. Hopefully, this interview is not just a routine event, but an initial step to build a foundation for ongoing literary activities that actively involve the community.

*Keywords:* poems, writer, creative arts writing, newspapers, oral history

# **SENARAI ABREVIASI**

## **SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
Covid-19	Coronavirus Disease 2019

# **SENARAI**

# **SINGKATAN**

## **SENARAI SINGKATAN**

EZ	Encik Mohd Zurharman bin Mohamad Nor
SNA	Siti Nor Alia binti Mohd Lokman
AM	Adibah Maisarah binti Sezali

# **RUJUKAN KATA**

## RUJUKAN KATA

alert	waspada
amik	ambil
an	kan
administration	pengurusan
bombing	sokong
business	perniagaan
column	ruangan
convince	meyakinkan
duduk	sedang
duk	asyik
extreme	melampau
factory	kilang
form six	tingkatan enam
gitu	begitu
hok	yang
imagine	bayangan
interview	temu duga
jugak	juga
kat	dekat
kot	mungkin
key	kan
maghi	datang
member	kawan
nulis	menulis
overall	keseluruhannya

payroll assistant	pembantu gaji
period	masa
personnel	kakitangan
producer	penerbit
refer	rujuk
relax	bertenang
so	jadi
sore	seorang
takde	tiada
tune	arah
you	awak

# GLOSARI

## GLOSARI

antologi	Kumpulan karya penulisan kreatif seperti cerpen atau sajak atau kedua-duanya yg dihasilkan oleh berlainan pengarang, kumpulan karangan atau seorang pengarang.
deskriptif	Bertujuan utk mem-berikan deskripsi bagi sesuatu perkara.
epigram	Sajak yang berasas dan pendek serta mengandungi fikiran yang bijak dan menyindir.
haiku	Sajak Jepun yang terdiri daripada tiga baris dan tujuh belas suku kata dan sering menceritakan kisah yang berkaitan dengan alam semula jadi.
koheren	Keterikatan atau kesinambungan antara ayat dalam wacana agar mudah difahami.
le wah	Terlalu banyak atau terlalu melimpah, berlebihan sehingga termasuk perkara yang tidak perlu.
metafora	Penggunaan perkataan yang mempunyai makna yang berbeza atau maksud yang berbeza daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan itu sebagai perbandingan atau kiasan.
patriotisme	Perasaan cinta yang mendalam terhadap negara.
sajak	Satu jenis penulisan berangkap yang biasanya hanya satu muka surat panjang dengan pecahan baris dan bait yang disusun. Kerana ia bebas, bentuknya tidak terikat dengan bilangan baris, rangkap atau ritma yang digunakan.
sufi	Ahli tasawuf atau ilmu suluk.

# **ISI KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN .....	ii
ABSTRAK .....	iv
SENARAI ABREVIASI .....	vii
SENARAI SINGKATAN .....	ix
RUJUKAN KATA .....	xi
GLOSARI .....	xiv
ISI KANDUNGAN .....	xvi
BIODATA PENEMU BUAL .....	xvii
BIODATA TOKOH .....	xxi
PENGENALAN .....	xxiii
TRANSKRIP .....	2
Bahagian 1: Latar Belakang .....	2
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan .....	5
Bahagian 3: Kerjaya Awal .....	7
Bahagian 4: Bidang Penulisan Sajak .....	9
Bahagian 5: Aktiviti Sebagai Penulis Sajak .....	15
Bahagian 6: Karya .....	17
Bahagian 7: Lain-Lain .....	26
Bahagian 8: Sumbangan dan Pencapaian .....	26
Bahagian 9: Harapan .....	29
RUJUKAN .....	35
LAMPIRAN .....	36
LOG WAWANCARA .....	37
DIARI KAJIAN .....	41
SENARAI SOALAN .....	44
SURAT PERJANJIAN .....	50
GAMBAR .....	51
INDEKS .....	54

# **BIODATA PENEMU BUAL**

## **BIODATA PENEMUBUAL 1**



Nama : Siti Nor Alia Binti Mohd Lokman

Tarikh Lahir :

Alamat : Tumpat, Kelantan

No. Telefon

Emel

Program : Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

## **Biodata Penemu Bual 2**



Nama : Adibah Maisarah Binti Sezali  
Tarikh Lahir :  
Alamat : Sungai Petani, Kedah.  
  
No. Telefon  
Emel  
Program : Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



**Nama** : Mohd Zurharman Bin Mohamad Nor

**Umur** : 55 Tahun

**Tarikh Lahir**

**Tempat Lahir** : Kubang Kerian, Kelantan

**Alamat Kini**

Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan.

**Nama Isteri** : Shamsiah Binti Saad

**Taraf Perkahwinan** : Berkahwin

**Bilangan Anak** : 5 orang

**Nombor Telefon**

**Bidang yang Diceburi** : Penulisan Seni Kreatif Sajak

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Sejarah lisan ialah bidang yang mengkaji cara dan suara orang, masyarakat, dan individu yang terlibat dalam peristiwa masa lalu untuk dikumpulkan, disimpan dan ditafsirkan. Antara jjenis penyelidikan sejarah yang tertua yang mendahului perkataan bertulis adalah sejarah lisan. Sejarah lisan yang paling moden dimulakan dengan perakam pita pada tahun 1940-an dan kini bergantung pada teknologi digital bermula abad ke-21.

Penulisan seni kreatif boleh ditakrifkan sebagai apa sahaja yang ditulis oleh seseorang penulis yang menggambarkan buah fikiran, emosi, imaginasi, dan kreativiti mereka dengan cara yang unik dan bukannya sekadar melaporkan peristiwa atau berita. Penulisan kreatif dicipta dengan bahasa yang baharu, menggunakan ayat yang indah tetapi mencabar, dan mengandungi unsur asli selain mempunyai makna yang unik. Penulisan kreatif ini termasuklah pelbagai jenis penulisan seperti cerpen, novel, syair, pantun dan sajak.

Sajak merupakan satu jenis penulisan berangkap kontemporari. Sajak biasanya mempunyai panjang kira-kira satu muka surat dengan pecahan baris dan bait yang disusun. Bentuknya tidak terikat dengan bilangan baris, rangkap atau ritma yang terdapat di dalamnya kerana ianya bebas. Hal ini dilakukan adalah supaya penulis sajak dapat menghasilkan karya dengan bebas dalam menyampaikan idea mereka dengan cara yang indah dan baharu. Selain itu, sajak juga mestilah mempunyai makna yang baik serta menggunakan bahasa yang indah.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Berikut merupakan temu bual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh **Siti Nor Alia Binti Mohd Lokman** dan **Adibah Maisarah Binti Sezali** bersama dengan tokoh **Encik Mohd Zurharman Bin Mohamad Nor** mengenai pengalaman beliau dalam bidang penulisan seni kreatif sajak. Temu bual ini telah dijalankan secara bersemuka di kediaman beliau pada **3 Januari 2024** bersamaan hari Rabu. Berikut merupakan hasil rakaman temu bual.

Petunjuk:

EZ: Encik Zurharman  
SNA: Siti Nor Alia Binti Mohd Lokman  
AM: Adibah Maisarah Binti Sezali

### **Bahagian 1: Latar Belakang**

**SNA : Assalamualaikum encik.**

**EZ : Waalaikumussalam.**

**SNA : Boleh encik berikan nama penuh dan nama panggilan encik?**

**EZ : Nama penuh? Nama penuh Mohd Zurharman bin Mohd Nor. Biasa orang panggil Zuhar, Man. Di luar sana Man, ada Har.**

**SNA : Boleh beritahu kami umur encik?**

**EZ : Umur saya dalam lima puluh lima.**

**SNA : Bilakah tarikh lahir encik?**

**EZ** :

**Oh, baru lagi. Dimanakah encik dilahirkan dan dibesarkan?**

**SNA** :

**EZ** : Di Kubang Kerian, di sini.

**SNA** : **Berapakah bilangan adik-beradik yang encik ada?**

**EZ** : Tiga.

**SNA** : **Encik merupakan anak yang ke berapa?**

**EZ** : Dua.

**SNA** : **Pada tahun berapakah encik telah berkahwin?**

**EZ** : Saya ingat dalam sembilan puluh ke? Sembilan puluh ke sembilan puluh satu, saya lupa [ketawa].

**SNA** : **Oh, ya.**

**EZ** : Tapi sembilan puluh.

**SNA** : **Boleh kami tahu siapakah nama isteri encik?**

**EZ** : Shamsiah binti Saad.

**SNA** : **Berapa orang anakkah yang encik ada?**

**EZ** : Lima.

**SNA** : **Apakah nama anak-anak encik dan umur mereka?**

**EZ** : Sudah. Saya lupa. Nama tu [itu] boleh bagitahu [beritahu] [ketawa].

SNA : Encik boleh bagitahu [beritahu] nama je [sahaja].

EZ : Nama, yang sulung, Nurul Rabiatul Adawiyah. Yang kedua, Muhammad Amirul Hafiz. Yang ketiga, Nurul Adawiyatul Akma. Nombor empat, Muhammad Hafiz Irwan. Lima, Nurul Akma Qalisha.

SNA : Adakah antara anak-anak encik yang meminati bidang penulisan sajak ini?

EZ : Hafiz Irwan. Salah *sore* [seorang] *hok* [yang] pada awalnya masa dia *form six* [tingkatan enam] saya rasa, dia ada ke arah tu. Dan dia pun pernah baca buku-buku *gitu* [begitu] kan. Tapi tak tahu lah dia punya tu [itu] sejauh mana. Sebab dia pun macam sekarang ni [ini] pun dah lari *tune* [arah] sikit. Lari *tune* [arah] sikit sebab dia nampak ke arah, ke arah, macam ke arah ke perfileman tu [itu]. Dan ada yang sorang [seorang] tu [itu] abang dia dulu masa belum kahwin pun. Abang dia tu [itu] dah [sudah] kahwin dah [sudah]. Dan selepas sebelum kahwin tu [itu] dia ada, dia ada, nak buat satu novel. Sekerat jalan, tak [tidak] tahu apa kesudahannya. Tinggal di situ.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **Bahagian 2: Sejarah Pendidikan**

SNA : Soalan seterusnya. Boleh encik beritahu, di manakah encik bersekolah semasa zaman dahulu?

EZ : Kubang Kerian. Sekolah Kubang Kerian. Di Kubang Kerian ni [ini].

SNA : Bagaimanakah encik pergi ke sekolah pada ketika itu?

EZ : Jalan kaki, naik motor [motosikal]. Ya [ketawa]. Masa zaman itu hari.

SNA : Apakah kenangan manis yang encik masih ingat semasa di zaman persekolahan?

EZ : Zaman persekolahan? Apa ya? Em [berfikir], saya rasa semua kenangan manis [ketawa].

SNA : Boleh nyatakan salah satu daripadanya yang encik masih ingat?

EZ : Kenangan manis? Masa nak pergi sekolah. Masa nak pergi sekolah dan masa pulang ke sekolah. Itu *period* [masa] sekolah. Kenangan manis masa sekolah [ketawa].

SNA : Okay. Apakah subjek kegemaran encik ketika di sekolah?

EZ : Sastera.

SNA : Apakah hobi dan cita-cita encik ketika encik masih bersekolah?

EZ : Masa tu [itu]. Oh, kalau saya nak cerita cita-cita, cita-cita saya masa di sekolah ni [ini], jangan terkejut kalau saya bagitahu [beritahu] ni [ini], ni

[ini] yang betul. Pertamanya, dua pilihan, dua masa tu [itu]. Saya isi, saya isi rekod. Rekod kat [dekat] sekolah pun dia ada dua tempat kosong tulis apa cita-cita anda kan? Saya isi pertama, Agong, dan kedua Perdana Menteri [ketawa].

SNA : **[Ketawa] Okay. Besar betul cita-cita. Setelah menamatkan pengajian, adakah encik ada melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya atau terus bekerja?**

EZ : Saya tak [tidak] sambung. Tak [tidak] pergi ke mana-mana dan saya tak [tidak] kerja. Tetapi pada masa tu [itu] saya mula berjinak-jinak dengan dunia penulisan.

SNA : **Apakah pencapaian tertinggi yang encik peroleh semasa bersekolah?**

EZ : Apa dia ya? [berfikir] Contohnya macam mana? Maksudnya?

SNA : **Ada dapat anugerah pelajar terbaik ke?**

EZ : Oh. [berfikir] saya, saya ingat masa ini berlaku masa musim persekolahan di sekolah rendah ke [berfikir] Saya dapat anugerah. Macam anugerah ataupun masa dia panggil hadiah kebersihan [ketawa]. Itu yang pencapaian saya tu [itu] [ketawa].

SNA : **Kebersihan berkaitan dengan apa tu?**

EZ : Pakaian. Pakaian uniform sekolah. Macam *gitu* [itu]. Dulu dia ada satu, dia ada ni [ini] dulu, dia ada [berfikir] apa ni [ini] dia panggil, kebersihan dan apa lagi. Ada beberapa ni [ini], saya lupa. Lama-lama.

SNA : Adakah encik pernah mengikuti apa-apa kursus professional yang berkaitan dengan penulisan ni?

EZ : Bengkel. Bengkel-bengkel penulisan, kritikan. Bengkel drama dan berkaitan dengan ni [ini]. Berkaitan dengan seni sastera ni [ini] ada. Lebih kurang macam tu [itu].

SNA : Selain daripada pekerjaan tersebut, adakah pekerjaan lain yang diceburi oleh encik pada ketika itu?

EZ : Takde [Tiada] takde [tiada].

## TAMAT BAHAGIAN 2

### Bahagian 3: Kerjaya Awal

SNA : Okay, untuk kerjaya awal, boleh encik nyatakan pekerjaan yang dilakukan selepas encik menamatkan pengajian?

EZ : Em, ada buat *business* [perniagaan] kecil-kecil, lepas [selepas] tu [itu], selepas *business* [perniagaan] tu [itu] saya kerja di satu *factory* [kilang]. Dalam [berfikir], saya bekerja dengan satu *factory* [kilang], saya duduk di bahagian *administration* [pengurusan].

SNA : Siapakah yang mencadangkan encik untuk bekerja dalam pekerjaan tersebut?

**EZ** : Saya, ish. Ada *member* [kawan] sebab selepas saya, saya *business* [perniagaan], saya keluar daripada *business* [perniagaan] tu, saya *relax* [berehat] dulu. Jadi, ada *member* [kawan] suruh pergi cuba *interview* [temuduga] dekat sini kan, *kat* [dekat] satu *factory* [kilang] tu [itu]. *Interview* [temuduga] situ, mana tahu takut-takut nak dapat kerja dekat situ. So [Jadi], rezeki saya di situ, dapat dan saya bekerja di situ selama beberapa tahun. Itu lah.

**SNA** : Berapa lamakah encik bekerja dalam pekerjaan tersebut?

**EZ** : *Overall* [Keseluruhannya], lebih kurang campur tolak kali bagi tu dalam lebih sepuluh tahun *jugak* [juga] *kot* [mungkin]. Tapi tidak di satu syarikat yang sama. Di situ tiga empat tahun, sini tiga empat tahun. Macam *gitu* [begitu].

**SNA** : Berapakah gaji yang encik peroleh dengan pekerjaan tersebut pada ketika itu?

**EZ** : Masa tu [itu] murah. Gaji murah pada masa tu [itu]. Saya lupa. Tapi masa tu [itu] tahun, masa tu [itu] em [berfikir] berapa ratus ya? Saya rasa tak [tidak] sampai seribu. Tapi masa tu [itu] dua ratus pun tinggi dah [sudah]. Sebab kita punya ekonomi masa tu [itu] tidak sama macam sekarang ni [ini].

**SNA** : Adakah pekerjaan tersebut ada memberikan apa-apa impak kepada diri encik?

**EZ** : Maksudnya?

**SNA** : Macam [berfikir].

EZ : Macam impak, macam mana tu [itu], impak macam mana guana [bagaimana]? Macam mana? Yang maknanya daripada segi kerja saya tu [itu] saya boleh bawa keluar macam tu [itu]? Ada. Dari segi macam satu *factory* [kilang] tu [itu] saya kerja saya duduk sebagai masa tu [itu] saya *payroll assistant* [pembantu gaji]. Saya *payroll assistant* [pembantu gaji] dan *personnel* [kakitangan] di tempat kerja tu pegang jawatan. So [Jadi], sedikit sebanyak tu ada pengalaman dari segi pengurusan. Itu impak dia daripada situ, dan ada satu lagi *factory* [kilang] tu yang berkaitan dengan elektronik. Itu tidak banyak sebab dia elektronik. Jadi, setakat kenal apa itu elektronik sikit-sikit tu okay. Itu impak yang ni.

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### Bahagian 4: Bidang Penulisan Sajak

SNA : Seterusnya, boleh encik ceritakan bagaimana encik boleh terlibat dalam bidang penulisan sajak ini?

EZ : Sebenarnya saya ni di dalam sekolah tu [itu], masa sekolah, saya jurusan saya sastera. Jadi, tapi sebenarnya sebelum tu [itu] lagi, sebelum lagi saya *duduk* [sedang] berkawan dengan *member-member* [kawan-kawan] yang dah ada nama pada masa tu [itu] dalam bidang penulisan sastera ni khususnya puisi, sajak tu [itu], drama itu. Jadi saya, saya rapat. Saya macam, saya rapat, saya akrab dengan *member* [kawan] saya tu [itu]. Jadi saya *duk* [duduk] tengok dia *mulis* [menulis]. Jadi sedikit sebanyak aura tu [itu] mungkin daripada dia lah *kot* [mungkin]. Jadi di situ saya mula belajar, belajar, belajar, belajar. Itu.

SNA : Menurut encik, apakah maksud sajak?

**EZ** : Sajak ni satu, satu bentuk [berfikir] dia satu bentuk apa yang kita nak katakan sesuatu. Apa yang kita nak sampaikan sesuatu dalam bahasa yang indah. Dalam bahasa yang indah dan kalau kita pergi ke tinggi lagi, bahasa yang lebih, bahasa yang dinamik. Jadi, itu lebih kurang apa, itu pengertian tak sama dengan mungkin orang lain mungkin dia ada pengertian yang macam lain. Tapi, isi hati seseorang ataupun ni [ini]. Isi hati seseorang ataupun apa yang nak dia ceritakan melalui genre [jenis] sajak ni [ini]. Yang ditulis menggunakan bahasa, keindahan bahasa tu [itu]. Keindahan bahasa dan apa ni [ini] keindahan maksudnya tidak semestinya bunga bahasa. Keindahan macam mana nak cakap eh [ya] ? Kalau bunga bahasa ni [ini] dia lain pulak [pula]. Dia ada kias. Ada beberapa perkara. Itu lah.

**SNA** : **Adakah bidang penulisan ini diwarisi secara turun-temurun?**

**EZ** : Saya rasa takde [tiada].

**SNA** : **Adakah encik mendapat galakan atau dorongan daripada mana-mana pihak? Jika ada, siapakah orang tersebut?**

**EZ** : Pada peringkat awalnya, *member* [kawan] saya satu orang, satu, sorang [seorang] tu [itu] *member* [kawan]. Dia lah yang cuba *bombing* [sokong] saya dalam bidang penulisan khususnya sajak ni [ini]. Em [berfikir], dia bimbing saya dan saya rasa aura dia tu [itu], macam ada aura dia tu [itu] bila dia bimbing saya. Dan saya rasa tidak salah apa kalau aura dia tu [itu] saya rasa aura dia tu [itu] sebabnya dia bimbing saya daripada peringkat awal, masa tu [itu] dia pun belum ni [ini] lagi sehingga sekarang ni [ini] dia dah [sudah] dinobatkan sebagai sasterawan negeri. Saterawan negeri Kelantan selain dapat S.E.A Write Award.. Jadi, saya rasa macam tidak salah individu yang mempertemu [menemukan], yang saya bertemu dengan satu individu daripada tak [tidak] kenal apa pun. Dia bimbing, bimbing, bimbing sehingga dia pun dapat rasa apa yang ada hari ni [ini] walaupun tidak besar seperti mana yang lain.

**SNA** : Adakah encik ada menggunakan nama pena dalam bidang penulisan sajak ini? Sekiranya ada, apakah nama tersebut?

**EZ** : Takde [Tiada]. Nama penuh je [sahaja].

**SNA** : Dimanakah encik belajar menulis sajak?

**EZ** : Takde [tiada], takde [tiada] yang tempat yang formal pun saya belajar menulis. Dengan, maksudnya dengan *member* [kawan] saya tadi. Dengan member saya tadi. Dia yang bagi, dia yang didik saya, dia yang bimbing saya. Itu je [sahaja]. Takde [tiada] yang takde [tiada] pendidikan formal. Dan untuk menulis sajak ini tidak semestinya dapat pendidikan formal. Semua orang boleh menulis. Semua orang boleh menulis apabila dia faham, apabila dia tahu. Itu je [sahaja].

**SNA** : Apakah sajak yang mula-mula encik hasilkan?

**EZ** : Saya lupa. Pada masa tu [itu] tahun, hujung lapan puluhan [80-an] rasa [mungkin]. Masa tu [itu] hujung lapan puluhan [80-an], saya sebenarnya karya saya tak [tidak] banyak. Hujung lapan puluhan [80-an] macam tu [itu] saya dapat, saya tulis satu sajak. Maksudnya tadi, soalan tadi apa untuk sajak apa? Maksudnya?

**SNA** : Sajak yang mula-mula encik hasilkan?

**EZ** : Sajak yang mula-mula saya hasilkan? Maksudnya judul dia ke [kah] apa ke [kah]?

**SNA** : Betul.

**EZ** : Saya ingat ‘Gadis Dari Jendela Keretapi’ saya ingat [ketawa]. Itu saya yang pertama. Ataupun [berfikir], ataupun ‘Tanah Perkuburan’. ‘Tanah Perkuburan’ ke [kah]? Dia antara itu, antara saya rasa sebab saya tak ingat sebab tu [itu] lama sangat dah masa. Sebab kadang-kadang pun saya pun [juga] kadang-kadang tak [tidak] ni [ini] sangat, tak [tidak] simpan pun ada. Tu [Itu] tak jadikan rekod.

**SNA** : Adakah encik ada menyimpan penulisan sajak yang mula-mula-dihadarkan? Takde [tiada] kan?

**EZ** : Takde [tiada].

**SNA** : Berapakah anggaran jumlah sajak yang telah encik hasilkan sehingga kini?

**EZ** : Saya lupa, saya tak [tidak] kira. Hehehe [ketawa]. Sebab saya tak [tidak] simpan dengan secara, secara apa ni [ini], secara formal atau pun [mahupun] secara, secara, em [berfikir] apa ni [ini] orang panggil ni [ini]. Tak.... [berfikir]

**SNA** : Tak rekod?

**EZ** : Tak rekod. Kadang-kadang kita, kita tahu apa ni [ini] “oh awak punya karya sajak keluar hari ni [ini] dekat surat khabar”? “Oh, ya ke [kah]?” Kebetulan kita cari tengok takde [tiada]. Takde [tiada], hilang macam tu [itu] [ketawa].

**SNA** : Susah berapa lamakah encik telibat dalam bidang penulisan ini?

**EZ** : Kalau nak ambik [ambil] asas peringkat awalnya hujung lapan puluhan [80-an] tu [itu] saya dah ni [ini] dah sebenarnya. Tapi bila perjalanan tu [itu] dia macam lompang di separuh jalan. Sebab saya pergi kerja tadi. Saya bekerja situ jadi lompang dari segi penulisan kreatif ni [ini]. Kalau saya

pergi ke, contohnya bila saya lompang tu [itu] saya lompang pun lompang dalam dunia penulisan. Masa tu [itu] saya aktif, saya terlibat dengan bidang kewartawanan. Jadi kreatif saya lompang sekejap iaitu banyak masa yang lompang tu [itu] tidak ada karya yang saya hasilkan.

**SNA : Apakah yang membuatkan encik berminat dengan penulisan sajak ini?**

EZ : Tadi. Keindahan dia tu [itu]. Seni dia, keindahan dia tu [itu]. Tu [Itu] sebenarnya.

**SNA : Apakah yang memberi inspirasi kepada encik untuk terus menceburi bidang penulisan ini?**

EZ : Inspirasi? Inspirasi ni [ini] kadang-kadang ilham tu [itu] boleh jadi satu inspirasi. Dan apabila kita siap menulis satu karya, karya tu [itu] kadang-kadang boleh menjadi inspirasi untuk ke satu karya yang lain. Nak nak, tambah lagi apabila karya tu [itu] tersiar di pakai di mana-mana. Di akhbar ke majalah ke apa ke, itu nilai tambah inspirasi untuk hasilkan satu karya lain.

**SNA : Siapakah idola encik dalam bidang ini?**

EZ : Idola? Idola saya *member* [kawan] saya tadi yang sekarang ni [ini] sasterawan negeri Kelantan. Sebab dia yang bimbing saya daripada awal sampai sekarang pun saya masih lagi berinteraksi dengan dia kalau ada apa-apa. Itu idola saya.

**SNA : Adakah encik mempunyai rakan-rakan yang lain yang turut melibatkan diri dalam bidang ini?**

EZ : Ada. Ada. Sebabnya bila dah kita terlibat dalam bidang ni [ini], bila kita keluar, di sana di luar sana tu [itu] memang ramai yang dapat kita kenal.

Memang ada.

**SNA** : Boleh ceritakan sedikit tentang cabaran yang encik pernah hadapi sepanjang terlibat dalam bidang ini?

**EZ** : Cabaran? Cabaran untuk menghasilkan ataupun untuk menyiapkan karya itu sendiri. Sebab kadang-kadang tu [itu] kita dapat intro [permulaan] dah [sudah] dapat dah [sudah] tetapi tak [tidak] boleh nak tarik lagi. Kadang sampai dua tiga hari. Itu cabaran yang ni [ini]. Yang boleh dikatakan memang betul-betul menjadi cabaran[ketawa].

**SNA** : Adakah encik ada menghasilkan karya ketika pandemik Covid-19 atau apa-apa karya yang berkaitan dengan Covid-19?

**EZ** : Takde [tiada].

**SNA** : Apakah pengalaman manis yang dapat encik kongsikan sepanjang encik berada dalam bidang penulisan ini?

**EZ** : Pengalaman manis? Pengalaman manis ni sentiasa ada. Sebab yang paling ni, paling manis apabila karya kita tu siap. Itu yang paling manisnya.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## **Bahagian 5: Aktiviti Sebagai Penulis Sajak**

**SNA :** Okey seterusnya, boleh encik beritahu kami berapa jenis sajak yang telah encik tulis?

**EZ :** Saya lupa. Sebab tadilah [ketawa], takde [tiada] rekod.

**SNA :** Bagi menghasilkan sebuah sajak, berapa lamakah masa yang encik perlukan untuk menulisnya?

**EZ :** Masa tak [tidak] menentu. Kadang-kadang tu [itu], seminggu dia siap dan masih ada lagi sajak-sajak saya dah empat, lima bulan pun belum siap lagi satu. Jadi tidak ada, yalah kalau kita nak tengok purata hari, atau purata masa untuk siapkan satu karya sajak saya tu [itu] tak, tak boleh, tak boleh, sebab saya [menarik nafas] saya apa ni [ini] ya orang panggil, tidak gopoh. Saya tidak [menarik nafas] apabila saya *start* [mula] menulis, saya tidak, kalau boleh apa ni [ini], tidak sehingga saya puas hati, sehingga saya puas dengan apa yang saya tulis kan? Sebab tu kadang-kadang tu [itu], dua minggu, seminggu tu kita rasa *dok* [tidak] puas hati dari satu draf ke satu draf, satu draf tu kita puas hati okey lah, tapi satu masa tu [itu] tidak ada saya boleh bagi [menarik nafas] spesifik masa untuk siapkan satu-satu karya.

**SNA :** Secara umumnya, berapakah tempoh masa yang paling singkat dan paling lama untuk encik menulis?

**EZ :** Maknanya untuk siapkan satu-satu karya? Paling singkat? Paling singkat satu bulan lebih kurang, ataupun paling, dalam tiga minggu lah. Hmm [berfikir] tidak, tidak kurang daripada tiga minggu.

**SNA :** Untuk yang paling lama?

**EZ :** Yang paling lama seperti yang dikatakan tadi lah, ada, ada tu [itu], ada dua tiga buah lagi yang masih belum siap. Yang satunya ada sampai setahun pun dah [sudah] ada, lima bulan pun dah [sudah] ada. Sebab kita sebenarnya menulis, tulis, tulis, tulis, kita rasa dah [sudah] okey ni [ini],

dapat hantar. Tapi bila kita tengok kali kedua tu [itu], kita pun rasa, ish buruk karya aku kan? Maknanya saya terpaksa tak [tidak] lengkap lagi dan nanti baiki lagi.

**SNA** : **Pada tahun 2023, berapakah anggaran jumlah sajak yang dapat ditulis?**

**EZ** : Tahun 2023? Kalau tidak [tak] silap saya, dua buah je [sahaja] rasa. Dua ke tiga macam tu [itu] je [sahaja]. Untuk 2023, dua ke tiga macam tu [itu].

**SNA** : **Jikalau encik tidak keberatan, boleh encik kongsikan rahsia encik dalam menghasilkan sajak yang menarik dan berkualiti?**

**EZ** : Sajak yang menarik. Sajak ni [ini] sebenarnya subjektif. Saya tengok mungkin menarik kan? Tapi bila masuk *you* [awak] tengok, eh ini tak [tidak] menarik lagi. Tak [tidak], ianya subjektif. Siapa yang boleh menentukan sajak yang bermutu itu, saya pun tak [tidak] faham. Tetapi [menarik nafas] bagi saya, sajak yang baik, dia ada keindahan dengan penyampaian bahasa yang mudah tetapi indah, dan akan lebih indah lagi apabila bahasa yang digunakan itu, dinamik.

**SNA** : **Adakah encik mengikuti apa-apa teknik dan proses ketika menulis sajak?**

**EZ** : Biasanya dari bengkel gitulah [begitu] kita masuk bengkel dan kadang-kadang tu [itu] dia *maghi* [datang] dengan sendiri pun ada.

**SNA** : **Pernahkah encik mendeklamasikan sajak encik di mana-mana?**

**EZ** : Hmm [berfikir] tak [tidak].

**SNA** : **Adakah encik ada menyertai apa-apa pertandingan berkaitan dengan bidang ini?**

**EZ** : Saya menulis tidak untuk pertandingan, untuk suka-suka je [sahaja].

## **TAMAT BAHAGIAN 5**

## **Bahagian 6: Karya**

**SNA :** Adakah sajak yang encik hasilkan ada diterbitkan dalam mana-mana akhbar? Jikalau ada, apakah nama akhbar tersebut?

**EZ :** Mingguan Malaysia, Berita Harian, Dewan Sastera itu untuk, majalah Dewan Sastera, akhbar Berita Harian, BH, lepas tu [selepas itu] Mingguan Malaysia dan di peringkat awal dulu [dahulu] dah [sudah] dalam 80-an dulu [dahulu] tu [itu] di radio ada satu rasanya, di radio ada satu, *pastu* [selepas itu] ada satu tu [itu] yang saya sebut apa tadi eh [berfikir], ‘Gadis Dari Jendela Kereta Api’ tulah [itu] satu majalah, saya lupa majalah apa tu [itu].

**SNA :** Selain dari yang disebutkan, adakah sajak encik ada diterbitkan di tempat lain?

**EZ :** Maksudnya di tempat lain tu [itu]?

**SNA :** Hmm [berfikir] macam media lain ke atau- - - ?

**EZ :** Oh takde takde [tiada] kita biasanya dia punya, punya syarat macam tulah [itu]. Bila dah siap tu, tak [tidak] boleh dikeluarkan di tempat lain.

**SNA :** Adakah sajak encik pernah dikompilasikan atau dibukukan oleh mana-mana pihak?

**EZ :** Belum lagi hmm [berfikir].

**SNA :** Pernahkah sajak encik menjadi sumber inspirasi atau bahan rujukan oleh orang lain untuk dijadikan sesuatu karya yang lain?

**EZ :** Setakat ni [ini] saya tak [tidak] pasti.

**SNA :** Sepanjang encik menulis sajak, apakah sajak yang paling susah untuk ditulis? Jika ada, mengapa?

**EZ :** Paling susah, paling susah ada satu sajak untuk Dewan Sastera. Tajuk sajak tu [itu] ‘Dari Puncak Kubah Itu’. ‘Dari Puncak Kubah Itu’ tu [itu],

masa tu [itu] saya berada di Mekah. Apabila berada di Mekah yang jadi agak sulit untuk saya menulis. Masa di sana saya tidak ada masa untuk menulis kan? Jadi, saya dapat bayangkan begitu sahajalah. *So* [jadi] bila saya balik ke sini saya, saya cuba untuk tulis dan saya tulis tetapi *imagine* [bayangan] saya tu [itu], tak [tidak], kadang-kadang tu [itu] tak [tidak] sampai dah [sudah]. Apa sebenarnya aku lihat sini? Apa yang sebenarnya itu kadang kita kadang kita terpaksa *refer* [rujuk] balik dengan buku ke apa kan, gambaran di sana tu [itu] sebenarnya.

**SNA : Apakah sajak encik yang paling encik suka?**

**EZ :** Sajak yang saya suka, sajak yang saya suka seperti yang saya kata tadi, bahasa yang indah.

**SNA : Maksud saya tajuk sajak.**

**EZ :** Oh, sajak yang saya, yang dah [sudah] saya hasilkan kan? Yang saya suka saya rasa ada yang tadilah ‘dari Puncak Kubah Itu’ dan ada satu lagi tu kalau tak [tidak] silap saya, ‘Fajar Menyinsing’ ke, ke apa eh saya lupa tajuk dia.

**SNA : Apakah sajak yang paling mendapat perhatian atau sambutan yang pernah encik tulis?**

**EZ :** Saya tak [tidak] cuba, saya tak [tidak] cuba dapatkan maklumat tu [itu] Terpulanglah pada mereka di luar sana *an* [kan]? Tetapi apabila kita, biasanya sajak tu [itu] saya akan simpan dalam *Facebook*, saya akan simpan dalam *Facebook*, kalau mengikut rujukan kita apa ni [ini] orang *like* [suka] tu [itu] eh kan? Haa [berfikir] itu je [sahaja].

**SNA : Adakah sajak yang encik tulis mempunyai apa-apa tema tertentu?**

**EZ :** Saya tidak, sebenarnya saya menulis sajak ni [ini], saya tak, tak, tak [tidak], terikat dengan tema, tak [tidak] terikat dengan tema. Saya akan menulis apa yang hendak saya sampaikan, haa [mengiyakan] dan tema tu [itu] mungkin orang lainlah yang akan tengok, sebab mungkin lah kalau

kita tengok pun, ya kalau awak tengok tema ni [ini] agak islamik sikit ke, eh itu patriotik sikit ke haa [mengiyakan] tu [itu] saya tak, tak, tak, tak [tidak], tekan sangat, apa yang saya nak tulis contohnya dan saya nak tulis pasal cerita yang saya sebut tadi ‘Dari Puncak Kubah Itu’. ‘Dari Puncak Kubah Itu’ tu [itu] saya sebenarnya apabila saya tengok satu kubah, kubah di Masjid Nabawi tu [itu], kubah tu warna hijau kan, besar [menarik nafas] dan di tengah kubah tu [itu] makam Rasulullah. Jadi saya pun tak, jadi tiba-tiba *maghi* [datang] ada, tiba-tiba ada je [sahaja], untuk tulis sajak ‘Dari Puncak Kubah Itu’, saya cuba.

**SNA : Kebiasaan sajak yang encik tulis mengisarkan tentang apa?**

EZ : Setakat ni [ini] kalau mengikut *member-member* [kawan-kawan] yang tengok tu [itu], saya tak [tidak] sebutlah kan? Yang sebut, yang *member-member* [kawan-kawan] saya, kebanyakannya *member* [kawan] saya tu [itu], dia akan sebut, “Kamu punya sajak, sajak orang Sufi”, lebih ke arah Islamik. Seperti contoh, ‘Dari Puncak Kubah Itu’ tadi kan, ‘Fajar Menyinsing’ dan apa lagi ya, ‘Menunjuk Ufuk, adalah beberapa, jadi saya tidak, saya tidak tahu tapi, yang, apa ni [ini], penyair-penyair yang kita kenal tu [itu], daripada *member-member* [kawan-kawan] kita tu [itu] yang sebut, engkau punya sajak, berunsur Islamik, sajak orang Sufi. Saya terserah pada dialah apa yang dia [ketawa kecil] nak, nak, nak, ni [ini] - -

**SNA : Apakah sajak yang paling panjang yang pernah encik tulis?**

EZ : Sajak yang paling panjang, sajak yang paling panjang, tidak panjang tetapi, kalau diukurkan pada *column* [ruangan] satu-satu ruang di akhbar ke, rasanya panjanglah kan? Sajak, ada satu sajak, ada dua saya, kalau tak [tidak] silap saya satu apabila saya berdepan dengan satu saudara saya meninggal, dan satu lagi sajak untuk, saya tulis sajak untuk anak saya yang perempuan yang bongsu. Yang itu saya rasa itulah yang, agak panjanglah. Panjang pun tidaklah sampai sampai dua, tiga muka surat tu [itu] kan? Mungkin satu helai tu [itu] lebih sikit ke itulah.

**SNA** : **Boleh encik nyatakan serba sedikit tajuk-tajuk sajak yang pernah encik tulis?**

**EZ** : Tadi, saya sebut tadi, ‘Dari Puncak Kubah Itu’, ‘Fajar Menyinsing’, apa yang lagi ‘Walau Aku Tidak Menatap Harimu Lagi’, itu sajak untuk anak saya tu [itu] dedikasi untuk anak saya kan apa lagi ya, selamat jalan, apa ni ‘Selamat Jalan Kak Teh, Aku juga akan Pergi’ ah yalah, saya pun kadang-kadang terlupa ya.

**SNA** : **Apakah persediaan yang encik lakukan setelah mendapat ilham untuk menulis sesuatu karya?**

**EZ** : [Menarik dan menghembus nafas]. Ilham ya? Bila dah [sudah] dapat ilham, dah [sudah] dapat ilham, takde lah [tiadalah], kita cuba untuk tulis lah.

**SNA** : **Bagaimanakah encik menunjukkan kelainan atau keunikan di dalam sajak encik?**

**EZ** : Saya rasa tidak ada yang lain pun, sajak ni [ini] tetap sama eh [ketawa]. Buat macam mana pun saya buat pun, orang panggil sajak juga kan? Macam *you* [awak] kalau *you* [awak] menulis pun, buat satu sajak pun saya akan kata itu, itu sajak. Tidak ada kan? Yalah, kadang-kadang tu ada kelainan dari segi bentuk, sajak tu sendiri *an* [kan]? Sajak ni dia ada, bentuk apa ni? Unsur epigram, unsur haiku ke apa kan? Itu ada, dia punya ni [ini] lah. Tapi kita, kalau saya menulis ni [ini] saya tak fikir sangat untuk tu [itu], untuk bentuk apa, apa, apa tu [itu].

**SNA** : **Cuma fokus kepada apa yang encik nak sampaikan je [sahaja]?**

**EZ** : Maksudnya? Aaa [mengiyakan]. Bila kita dah [sudah] dapat satu, contoh satu idea yang disebut tadi kan, yang dapat satu ilham. Contohnya apa? Bila turun, contohnya saya ambil contoh hujan pula kan, tiba-tiba saya tengok hujan di halaman ni [ini] kan, hujan turun. Jadi saya terpaksa fokus, apabila hujan saya akan terpaksa fokus apa yang dekat dengan hujan itu [itu] sendiri. Apa yang dekat dengan hujan tu [itu] sendiri. Dia

panggil, dia panggil apa dia panggil, [menarik nafas] alah, saya lupa dia panggil, dia punya jajaran dia tu maknanya, bila hujan kita tak boleh fokus dah apa yang dikatakan, gempa bumi di sana kan? Apa yang kita nak perlu pada hujan tu [itu] kita nak cerita hujan tu, tiba-tiba ada gempa bumi di sana tak [tidak] itu bukan fokus, itu caca-merba. Jadi kan bila hujan tu [itu], apa elemen-elemen yang dekat dengan hujan, awan contoh kan, bumi. Jadi saya terpaksa fokus pada situlah. Hujan, apa jadi pada bumi kan? Basah sebab apa, hujan turun contoh. Ha [mengiyakan] itulah kita fokus, fokus kat [dekat] situ.

SNA : **Apakah karya terkini yang telah encik hasilkan?**

EZ : Tidak ada karya terkini. Sajak, tugas saya sekarang ni, saya menulis pun, sajak lebih kepada sajak eh sebab untuk menulis yang, lain tu [itu] mungkin boleh tulis tapi maksudnya, tumpuan kita tu [itu] kadang-kadang tu [itu], kadang-kadang kita tu [itu], dihambat oleh masa kan, dihambat oleh masa. Tapi yang terkini, sajaklah, sajaklah saya yang ditanya tadi, untuk tahun 2023 tu [itu], itulah yang terkini. Dekat dalam dua, tiga buah tu [itu], tulah [itulah] yang saya rasa terkini tu [itu].

SNA : **Adakah encik masih aktif dalam menulis sajak untuk masa sekarang?**

EZ : Saya, saya nak kata aktif, tak [tidak] erm [berfikir] mungkin aktif kot [agaknya] cara saya aktif, cara saya. Saya akan menulis, bila dapat ilham, ni [ini] cantik ni [ini], ah saya cuba, saya, saya, saya, saya akan cuba untuk bina, saya cuba untuk hasilkan apa yang saya dapat tadi kan, itu, tapi bila saya tersekut di situ saya tinggal dulu [dahulu]. Dan bila saya tinggal itu, itu, sama ada itu boleh dipanggil ataupun disebut aktif juga ke macam mana saya tak tahu, tapi yang saya tahu aktif saya macam gitu [begitu] ya ha [mengiyakan].

SNA : **Adakah encik ada melancong atau mengembara ke mana-mana untuk mendapatkan idea dalam berkarya? Sekiranya ada, di mana?**

**EZ** : Saya tidak ada perancangan apa-apa semata mata pergi untuk dapatkan ilham di mana-mana tetapi apabila saya pergi di mana-mana, mungkin ada ilham disitu. Contoh saya pergi, contoh tadi saya pergi ke Mekah ni [ini] kan? Dapat satu sajak tu kan , macam gitulah [begitulah] saya, tak, tak, tak, tak [tidak] fokus untuk pergi, oh, aku terpaksa pergi ke gunung untuk dapatkan ilham, takde [tiada][ketawa kecil].

**SNA** : **Okey, selain dari menulis, adakah encik mempunyai bakat lain yang tidak diketahui umum?**

**EZ** : Saya takde [tiada] rasa, eh [berfikir] rasa takde [tiada] [ketawa kecil], hmm [berfikir] takde [tiada].

**SNA** : **Apakah medium yang encik sering gunakan untuk mendapatkan ilham?**

**EZ** : Tidak ada cara lainlah melalui membacalah, itulah.

**SNA** : **Apakah perasaan yang menyelubungi diri encik ketika berkarya atau sedang menulis sajak?**

**EZ** : Perasaan? Sebut perasaan tadi eh? Kecamuk, kadang-kadang keliru. Kadang-kadang kita sendiri tidak faham. Maksudnya, ish, sesuai tak aku guna bahasa macam ni [ini], sesuai tak dengan perbendaharaan ni [ini], sesuai tak dengan bahasa ni [ini] aku pakai? Kadang-kadang tu [itu] kita apa ni [ini], contohnya eh boleh tak [tidak] aku guna selepas? Bagaimana kalau aku guna ‘setelah’ eh? Bagaimana kalau aku guna ‘setelah’? Tapi nampak cantik lagi ‘selepas’. Ish tengok masuk, kadang-kadang itu kita, dilemalah kadang-kadang ada dilema di situ.

**SNA** : **Pada pandangan encik, apakah perbezaan antara gaya penulisan sajak pada zaman dahulu dengan zaman sekarang?**

**EZ** : Zaman dahulu, biasanya orang-orang lama saya *duk* [asyik] perhati tengok, sajak dia, bahasa dia, ada yang kias tinggi tu [itu] ada juga. Tapi bahasa yang digunakan sangat mudah kan? Tetapi sebenarnya yang

sangat mudah itu, menjadi kias yang tinggilah. Bagi, bagi apa ni [ini], mereka nak sampaikan. Kiasan tu tinggi walaupun dia guna mudah, kiasan dia tu, bukan untuk dilihat untuk selapis sini saja kan, mungkin kita tengok dia, terpaksa kita tengok ke dalam lagi, sedangkan dia guna bahasa yang mudah. Berbanding sekarang ni [ini] hmm [berfikir] berbanding sekarang ni, kita guna, kalau kita nak guna apa ni, metafora, contoh eh metafora ke personafikasi, unsur-unsur metafora, unsur-unsur personafikasi, dengan satu gaya bahasa yang indah, eh [mengiyakan] dengan yang, yang satu gaya bahasa yang indah. Yang satu lagi kalau dulu [dahulu] kebanyakan kita tengok, orang guna bunga bahasa eh? Tapi sekarang ni bagi saya, yang bunga bahasa tu [itu], yang tak, tak [tidak] tahu, takut saya seorang saja [sahaja] yang yang macam tu kan, saya tak [tidak] berapa minat dengan bunga bahasa ni [ini], saya minat dengan bahasa itu sendiri. Keindahan bahasa tu [itu] apa yang hendak kita sampaikan, dia bezalah dulu [dahulu], yang, iyalah, dari segi tulisan dulu [dahulu], sekarang pun dah beza kan dari segi contoh, apa ya, ada, eh, adalah yang berbeza dari segi tulisan dulu [dahulu], tidak ada E sekarang ada E *ka* [ke]?

SNA : **Bagaimana pula dengan kualiti sajak pada kedua-dua zaman itu?**

EZ : Kita tidak boleh pertikaikan, masa dulu [dahulu] tidak ada kualiti, tidak boleh pertikaikan. Sebab pada masa itu, mungkin kualitinya sudah tinggi pada masa itu dan sekarang pun, samalah juga eh samalah juga. Kita tak boleh nak apa mempertikaikan kelemahan ke apa ke dari segi kualiti sekalipun sebabnya pada masa dulu [dahulu], contoh pada masa dulu [dahulu], pada masa tu [itu] memang kualiti dia memang dah [sudah] hebat dah [sudah]. Kita tengok masa tu [itu] dan sekarang ni [ini] pun, lebih kurang macam tu juga. Dia tidak ada, yalah beza dulu [dahulu] sekarang ni [ini] memanglah kan, zaman pun lainlah dulu [dahulu].

SNA : **Bagi encik, apakah ciri-ciri yang perlu ada bagi seorang penulis?**

EZ : Ciri-ciri yang perlu ada eh? Apa yang ciri-ciri yang perlu ada, ciri yang perlu ada, sabar hmm [berfikir] sabar, sebab apa tadi saya sebut tadi kan,

jangan gopoh bila menulis. Itu je [sahaja] lah. Kesabaran tu mesti ada sebab kita akan lalui dengan rasa macam keliru, rasa macam, macam, macam yang saya sebut tadi kan, jadi apa yang perlu di sini, sabarlah, sebab kadang-kadang kita akan tersekat walaupun kalau kita hebat sekalipun kita akan tersekat. Ada masa kita tersekat untuk menulis, jadi bila tersekat kita kena ada rujukan. Kita kena cari rujukan di situ, kena ada rujukan di sini. Itu, itu yang perlu kesabaran tu [itu]. Kalau tak, tak ada kesabaran, kita tak boleh cari tak, tak boleh, cari rujukan tu [itu], tak jumpa rujukan tu [itu] selagi tu [itu] kita *check* [periksa]. Kesabaranlah jawapannya.

**SNA :** **Boleh encik berikan sedikit tips untuk menjadi seorang penulis sajak yang berwibawa dan berbakat?**

EZ : Yang lain tu [itu], pengalaman apa itu, itu dia satu warna daripada tu [itu] kan, membaca tu [itu] yang paling penting. Kalau kita tak [tidak] mahu baca, susah sebab dulu [dahulu] tidak ada perkataan selfie, swafoto apa, tidak ada kan, orang tak guna kan, sekarang ni [ini] orang dah [sudah] guna swafoto, orang tak [tidak] sebut ambil gambar sendiri kan, ya kita nak memperkayakan kita punya bahasa tu [itu], untuk untuk menghasilkan sesuatu karya tu [itu], mesti tak boleh lari daripada pertama itu membaca. Bacalah walaupun benda yang sama.

**SNA :** **Apakah aspek yang perlu ditekankan oleh seorang penulis dalam penulisan sajak?**

EZ : Apa yang dia nak tulis. Contoh dia nak tulis apa, nak tulis pasal kemerdekaan, dia kena ada unsur-unsur apa yang, elemen apa yang perlu dimasukkan di dalam apa yang kita nak tuliskan tadi ya, patriotisme apa, yang perlu dimasukkan dalam tu [itu]. Semuanya perlu, perlu apa ni [ini] panggil, perlu kepada kepekaan dan *alert* [berwaspada] kitalah

**SNA :** **Pernahkah encik merasa putus asa atau kecewa semasa berkarya?**

EZ : Bila saya dah buat, saya hasilkan satu karya contoh sajak saya kan, siap

dah [sudah], jadi kita tengok balik, ish, macam ni, apa ni, tak, tak [tidak], ni, ni [ini], tak, tak [tidak], tidak ada apa contoh panggil, eh tidak ada koheren ke apa, tidak ada kesinambungan ke, tidak, bahasa yang lewah sangat ke, alah, itulah.

**SNA : Bagaimana encik bangkit dari rasa kecewa atau putus asa tersebut?**

**EZ** : Biasa kita tinggal dulu [dahulu] sekejap. Kita tinggal dulu [dahulu] sekejap, mungkin contohnya kita baca buku ke kan, kita tinggal kita pergi baca buku, kita tinggal dulu [dahulu]. Mungkin hari ni, esok lusa dua, tiga hari kita tinggal, contohnya hmm [berfikir], kalau kita berbicara tentang hujan kan, tentang hujan, kita tersekat di situ, ah sudah eh, mungkin esok nanti, kita seolah-olah kita akan tunggu hujan *maghi* [datang] lagi untuk dapatkan apa yang kita perlu di dalam hujan.

**SNA : Apa yang encik lakukan ketika ketiadaan idea atau kebuntuan semasa menulis sajak?**

**EZ** : Tinggal dulu [dahulu]. Hmm [berfikir], itulah sebab tu [itu] saya tadi sebut tadi, jangan gopoh. Bila tidak ada, tinggal. Jangan cuba nak tekan tekan, tekan tekan, kadang-kadang bila tekan tekan pun, tak [tidak] menjadi. Sebab, saya bagi contoh, bila *you* [awak] tulis satu sajak, dia panggil, bagi saya pertama itu adalah draf. Draf pertama, saya nak menceritakan tentang hujan dan bunga macam tu [itu]. Draf pertama saya ceritakan hujan dan bunga, lepas siap draf pertama, esok saya akan tengok sekali lagi, ish, kenapa tidak hujan dengan, kenapa tidak hujan dengan daun. Jadi benda tu mungkin kita boleh memperindahkan lagi, memperindahkan lagi.

## **TAMAT BAHAGIAN 6**

### **Bahagian 7: Lain-Lain**

SNA : Okey, seterusnya, selain daripada menulis sajak, adakah encik ada melakukan aktiviti-aktiviti yang lain?

EZ : Aktiviti lain eh? Aktiviti lain, kalau dulu [dahulu], bolehlah dikatakan bersukan kan tapi sekarang ni [ini] dah [sudah] lanjut dah tak terdaya dah [sudah] untuk berlari, tak [tidak] berlari, tak [tidak] terdaya dah untuk hmm [berfikir] apa ni [ini] sepak bola, tak terdaya kan? So [jadi] mungkin, bersiar-siar kat tepi rumah macam ni [ini] [ketawa].

SNA : Okey, berdasarkan perbualan kita yang lepas, encik ada menyatakan tentang penghasilan skrip drama radio.

EZ : Hmm [berfikir] betul juga.

SNA : Saluran radio manakah yang dimaksudkan encik pada ketika itu?

EZ : Radio Malaysia Kelantan, hmm [berfikir] Radio Malaysia Kelantan.

### **TAMAT BAHAGIAN 7**

### **Bahagian 8: Sumbangan dan Pencapaian**

SNA : Okey seterusnya, adakah encik ada mengusahakan untuk memperkenalkan penulisan sajak ini ke peringkat antarabangsa?

EZ : Kalau kata tidak tu [itu] mungkin tipulah kan tetapi itu terpulang pada masa lah yang akan menentukan. Niat tu mungkin ada tapi kena tunggu masa lah. Mungkin kita terpaksa buat antologi, satu antologi dulu [dahulu] ke apa ke eh? Baru boleh ini, tetapi bergantung pada masa.

SNA : Apakah kejayaan yang telah encik capai dalam bidang ini?

**EZ** : Kejayaan yang saya capai? Saya rasa kejayaan bila saya telah selesai, kejayaan bagi saya, bila saya telah siap menghasilkan satu karya, itu satu kejayaan bagi saya. Saya tidak nampak pada anugerah itu anugerah ini. Bila saya dah [sudah] siap satu karya, sebab saya melalui tempoh yang lama *an* [kan] seperti yang saya sebut tadi, paling paling tidak pun tiga minggu eh *an* [kan] tapi bila dah siap tu, oh ini dah [sudah] boleh ni [ini], ini dah [sudah] boleh. Kalau nak hantar ke mana mana pun, ini rasa pun boleh boleh ni [ini], okey siap. Tak [tidak] itu macam satu kejayaan lah bila kita dapat melakukan, kita dapat hasilkan dari tangan kita kan? Semua orang rasa macam tu kan? Bila dah dapat buat sesuatu tu [itu], dia siap berjaya tu [itu], sukalah.

**SNA** : **Adakah encik ada mendapat anugerah atau apa-apa penghargaan sepanjang menceburi bidang penulisan ini?**

**EZ** : Seperti yang saya katakan tadi, saya tidak cuba mempertandingkan saya punya karya. Kalau kita untuk, biasanya dia akan keluar satu pertandingan ataupun dipanggil kalau dalam bahasa ni [ini], sayembara puisi kan? Sayembara puisi kita kena isi borang, kena hantar, saya tak, tak, tak [tidak], tak [tidak] ke sana pun. Sebab tu [itu] saya nak sebut, anugerah tu [itu] saya takde [tiada] cuma skrip radio saya ada dulu [dahulu], saya menang pun sagu hati masa tu [itu]. Skrip drama radio apa lah, saya lupa. ‘Penantian Abadi’ eh, bukan. Dah [sudah] lupa dah [sudah] lupa tajuk tu. Itu je [sahaja] saguhati. Tu [itu] pun masa tu bukan kata kena isi borang. Isi borang, tapi masa tu kita tulis, tulis, tulis, tulis, memang tulis untuk peraduan. Hantar tu jadi dia orang nilai dah dapat tu [itu] lah. Tapi sekarang ni [ini], kita kena isi borang, kena hantar karya untuk dinilai kita, saya tidak tidak ke arah tu [itu].

**SNA** : **Pernahkah encik di temubual oleh mana-mana pihak media sebelum ini?**

**EZ** : Berkaitan dengan ini ye [ya]? Takde [tiada] lagi.

**SNA** : Apakah perasaan yang encik dapat kongsikan seandainya encik di temu bual oleh pihak media?

**EZ** : Maksudnya saya nak kongsi ya?

**SNA** : Apa yang encik rasa seandainya ada pihak media yang datang untuk menemu bual encik tentang bidang ini, apa yang encik rasa?

**EZ** : Mungkin saya akan kongsikan setakat apa yang saya ada. Cakap apa yang saya tahu, dari segi contohlah dia macam *you* [awak] tanya tadi kan? Setakat itulah kan? [ketawa], nak lebih-lebih tu lain pulak [pula].

**SNA** : Apakah cabaran yang dihadapi selama encik mendapat saguhati?

**EZ** : Cabaran? Cabaran, saya tidak tahu sebab saya sebenarnya bila saya menulis, saya tidak ke arah untuk bertanding *key* [kan]? Jadi saya macam tidak ada cabaranlah sesetengah ni [ini], kadang-kadang tu [itu] dia hantar kan, alah tak menang ni [bercecis], oh ada lagi, jadi dia masukkan, ditambahkan lagi *extreme* [melampau] dia lagi untuk menulis kan? Jadi saya untuk menang tu [itu] kan, tapi saya tidak, tak [tidak] pernah merasai situasi tu [itu] [ketawa], jadi saya rasa macam tidak ada cabaran. Jadi yang ada pada saya macam, apa katanya? Aku adalah aku macam tu [itu] eh? [ketawa].

**SNA** : Adakah encik turut menerima apa-apa pengiktirafan daripada mana-mana badan kesenian?

**EZ** : Setakat in takde [tiada] lagi.

**SNA** : Siapakah yang sering memberikan motivasi dan sokongan kepada encik?

**EZ** : Sebenarnya, *member* [kawan] lah, *member-member* [kawan-kawan] dari *member* [kawan] ataupun rakan-rakan di dalam dunia sastera ni [ini] lah. Biasalah macam tu [itu] kan?

**SNA** : Boleh encik kongsikan kejayaan tertinggi encik sepanjang penglibatan dalam bidang ini?

**EZ** : [Menarik nafas]. Bila kita dapat menghasilkan pada tahun tu, contohnya tahun lepas kita dah hasilkan dua buah sajak, sekarang 2023 saya dapat hasilkan tiga buah sajak [ketawa]. Saya macam satu kejayaan ya, sebab nak menulis sajak bukan mudah kan?

**SNA** : Boleh nyatakan prinsip hidup encik?

**EZ** : Prinsip hidup saya? Prinsip hidup saya ni senang je, tak susah mana pun, jangan *amik* [ambil] bodoh orang, sebab kita ni dah bodoh [ketawa]. Sebab bila kita ambil bodoh orang, kerana kita ni [ini] dah bodoh, dua kali bodoh jadi bertambah bodoh kita.

**SNA** : Pada pendapat encik bagaimakah penulisan sajak ini memberi impak kepada masyarakat dan negara?

**EZ** : Wallahu alam. Itu mereka yang, itu mereka yang, yang, yang, yang pandai tahu sendiri kan? Sebab kita tidak tahu, sebab kita tidak pernah pergi tanya pun macam mana sajak aku ni impak apa eh, ada, ada impak pada engkau ya? Itu penerimaan di luar sana.

## TAMAT BAHAGIAN 8

### Bahagian 9: Harapan

**SNA** : Okey seterusnya untuk harapan, apakah rancangan encik dalam bidang penulisan sajak selepas ini?

**EZ** : [Menarik nafas dan menghembus]. Saya ada satu harapan la macam cita-cita kan? Saya rasa saya ingin ada satu antologi sekurang-kurangnya

sebelum saya pergi. Sebelum saya pergi ataupun sebelum saya meninggalkan dunia ni sekurang-kurangnya saya ingat saya nak adakan satu buku antologi lah untuk sajak saya tu. [Menarik nafas] Saya sedar bahawasanya saya tidak, saya tidak menulis banyak karya tetapi sekurang-kurangnya saya rasa saya nakkan buku tu sebelum saya pergi. Sekurang-kurangnya saya boleh tinggalkan kepada anak-anak saya ke apa kan? Esok dia boleh baca kalau dah bapa dia takde [tiada] esok dia nak tengok kan? Itu yang masyarakat luar sana tu lain cerita kan? Sekurang-kurangnya untuk dalaman, InsyaAllah lah. Paling-paling tidak pun, tidak tebal pun tak apalah. Haa itu ye [itu sahaja], adalah harapan cita-cita ke arah tu [itu].

**SNA : Boleh kongsikan rahsia kejayaan encik untuk berjaya dalam kerjaya dan kehidupan?**

**EZ :** Rahsia eh? Rahsia kejayaan. Bila kita tidak ganggu orang, orang tidak ganggu kita, perjalanan kita mudah senang ya dan itu satu resepilah. Sebab dalam dunia yang penuh cabaran ni, macam-macam boleh berlaku. Jadi bila kita tidak ganggu orang, orang tu tidak akan ganggu kita. Dan itu akan memudahkan kita untuk apa-apa sekalipun.

**SNA : Selama encik berada dalam bidang ini, apakah nasihat yang paling encik ingati sehingga kini?**

**EZ :** Nasihat tu maksudnya daripada?

**SNA : Sesiapa sahaja.**

**EZ :** Daripada sesiapa saja? “Kekalkan identiti engkau semasa engkau menulis. Sekarang ni engkau sudah ada satu identiti yang macam ni”. Contohnya puisi saya sajak saya tu berunsurkan Islam, satu identiti bagi saya jadi adalah *member-member* [kawan-kawan] tu bagi sokongankekalkan identiti-identiti tu.

**SNA : Okey adakah encik mempunyai apa-apa pengharapan berkenaan dengan penulisan sajak ini terhadap anak-anak encik?**

**EZ** : Saya ada harapan saya sebenarnya bila saya, bila saya terjebak dalam bidang penulisan contohnya bidang dalam bidang penulisan saya, saya menulis kan? Tak kiralah puisi ke apa ke kan saya harapan saya kepada anak saya pada masa tu, dia akan lebih tinggi daripada pada saya. Contohnya saya menulis, dia mungkin editor. Haa kan [mengiyakan], dia mungkin, mungkin editor itu pengharapan saya. Maknanya bila kita menulis, dia mesti, dia perlu jadi editor. Makna lebih tinggi daripada kita lagi kan? Sebab dia editor dia akan edit yang apa penulis buat kan tapi saya rasa tercapai kot [agaknya] sekarang. Capai macam mana, sebab saya rasa saya menulis sajak yang tu [itu], kita harapkan anak kita jadi editor tapi, bagi saya mungkin dia lebih jauh daripada editor, sebab dia boleh jadi *producer* [penerbit] ha [mengiyakan] cam tu ha [mengiyakan] jadi adalah walaupun agak tidak ni [ini] tidak, tidak, tidak selari tetapi dah skop tu masih dalam ni [ini] lah kan? Macam dia itu bezanya dia *producer* [penerbit], saya menulis sajak saya rasa itu pun, saya rasa macam dah macam niat saya tu [itu] ataupun cita-cita saya tu dah tercapai di situ kan? Sebab sampai sekarang saya masih menulis sajak dan dia dah melangkah kepada *producer* [penerbit]. Mungkin itulah maknanya saya nak yang kita, kita menulis anak kita ni kena atas sikit lagi ha [mengiyakan]. Kalau kata contoh, kita kerani anak kita perlu pegawai ha [mengiyakan]. Anak kita, kalau kita pegawai anak kita perlu jadi pengarah, contoh macam begitulah [ketawa].

**SNA** : **Okey, seterusnya, boleh berikan pandangan encik terhadap bidang penulisan sajak ini?**

**EZ** : Pandangan macam mana yang maksudnya?

**AM** : **Macam harapan.**

**EZ** : Harapan?

**SNA** : **Pandangan encik.**

**EZ** : Kepada?

**SNA** : Kepada bidang sajak ini.

**EZ** : Harapan? Dia, harapan saya eh? Harapan saya, saya dapat menulis dan terus menulis tu je [itu sahaja].

**SNA** : Adakah hasrat atau impian encik yang masih belum tercapai pada saat ini?

**EZ** : [Menarik nafas] Hmm [berfikir], tadilah, saya nak jadikan satu buku antalogi sekurang-kurangnya.

**SNA** : Selain itu, apakah harapan encik terhadap bidang penulisan sajak kepada masyarakat dan negara serta kepada generasi yang akan datang?

**EZ** : Dia akan terus segar, dan dia akan terus relevan kepada dunia, gitulah [begitulah].

**SNA** : Boleh encik berikan tips kepada generasi kini untuk terus mencebur ke dalam atau perkara baru?

**EZ** : Kadang-kadang susah sebabnya minat itu berbeza. Eh [mengiyakan], minat itu masing-masing tetapi jika minat dengan penulisan akan juga sebab macam contoh kita sendiri, macam saya, saya tak boleh *convince* [yakinkan] anak saya sendiri untuk menjadi seorang polis kepada anak-anak lain kan? Tak boleh sebab kadang-kadang tu minat dia lain. Mungkin dia minat juga menulis tapi dia menulis bukan untuk kreatif untuk deskriptif ke apa kan jadi itu susahlah sikit [sedikit], akan lebih baik daripada lahir daripada minat dia tersendiri. Tu [itu] orang panggil susahlah kita nak buat nak buat ni [ini] kan?

**SNA** : Sebelum kita mengakhiri temubual ini, sudikah encik memberikan sedikit pandangan dan nasihat kepada generasi masa ini yang berkecimpung dalam bidang penulisan?

**EZ** : Menulislah dari hati. Jangan merapu [mengarut]. Eh [mengiyakan],

tulislah daripada hati jangan merapu [mengarut]. Merapu [mengarut] ni [ini] yalah, rosak kan? Itulah tulisnya daripada hati, ikhlas. Sebab bila kita menulis daripada jiwa kita sendiri, karya kita berbeza eh [mengiyakan], kita tulis memang daripada jiwa kita sendiri. Karya pun berbeza daripada yang kita cuba reka-rekakan haa [mengiyakan] jadi menulislah dari jiwa kita sendiri.

**SNA** : Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Mohd Zurharman Mohamad Nor di sepanjang penglibatan beliau dalam bidang penulisan sajak ini. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang penulisan sajak pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

#### **TAMAT BAHAGIAN 9**

# **RUJUKAN**

## RUJUKAN

- Azmah Nordin. (2009, March 7). *Apa Itu Penulisan Kreatif*. Scribd. Retrieved January 7, 2024, from <https://www.scribd.com/doc/102353654/Apa-Itu-Penulisan-Kreatif>
- Denzin, N.K . (2001). Handbook of qualitative research (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Ltd.
- Salman Sulaiman. (2023, April 3). *Nota buat Calon Pengarang*. Tunas Cipta. Retrieved January 7, 2024, from <https://tunascipta.jendeladb.my/2023/04/03/4830/>
- Salomi, J. (2020, March 30). *Sejarah Lisan: Zaman Klasik Hingga Kontemporari – TahuTuai*. TahuTuai. Retrieved January 7, 2024, from <https://tahutuai.com/sejarah-lisan-zaman-klasik-hingga-kontemporari/>
- Shammorin. (n.d.). Kebaikan Mempelajari Karya Sastera (Kepentingan). iRujukan.my. Retrieved January 14, 2024, from <https://www.irujukan.my/karya-sastera/>

# LAMPIRAN

## **LOG WAWANCARA**

Siti Nor Alia dan Adibah Maisarah telah menemu bual Encik Mohd Zurharman Bin Mohamad Nor di Kubang Kerian, Kelantan. Temu bual ini dijalankan secara bersemuka untuk bertanyakan mengenai pengalaman beliau sepanjang melibatkan diri dalam bidang penulisan seni kreatif sebagai penulis sajak.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1:</b> <b>LATAR BELAKANG</b>		
00:50	Encik Zurharman menceritakan serba sedikit tentang latar belakang dirinya.	Nama penuh Mohd Zurharman bin Mohd Nor.  Nama panggilan Zuhar, Man, dan Har.  Berumur 55 tahun.  Dilahirkan dan dibesarkan di Kubang Kerian
01:50	Encik Zurharman menceritakan serba sedikit tentang ahli keluarganya.	Nama isteri ialah Shamsiah binti Saad.  Memiliki 5 orang anak.
02:43	Encik Zurharman memberitahu salah seorang anaknya turut cenderung dan meminati bidang penulisan ini.	Anak yang keempat beliau iaitu Hafiz Irwan.

<b>BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN</b>		
03:48	Encik Zurharman menceritakan serba sedikit tentang pendidikan awal yang diperolehi.	Bersekolah di Kubang Kerian.  Meminati bidang sastera.  Cita-cita sewaktu masih bersekolah ialah menjadi Agong dan Perdana Menteri.
06:20	Encik Zurharman menyatakan bahawa beliau pernah mendapat anugerah ketika sekolah rendah.	Hadiah kebersihan pakaian.
06:53	Encik Zurharman menyatakan kursus profesional yang telah diikuti bagi mengembangkan ideologi penulisan sajak.	Bengkel penulisan, bengkel kritikan, bengkel drama.
<b>BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL</b>		
07:21	Encik Zurharman menceritakan pengalaman kerjaya awalnya sebelum menceburi bidang sajak.	Membuat perniagaan kecil, dan bekerja di kilang di bahagian pengurusan.
08:29	Encik Zurharman menyatakan tempoh beliau bekerja di kilang-kilang.	Lebih kurang 10 tahun.
09:40	Encik Zurharman menyatakan impak yang diperoleh sepanjang beliau bekerja.	Memperoleh pengalaman dari segi pengurusan dan mengetahui serba sedikit tentang elektronik.

**BAHAGIAN 4:**  
**BIDANG PENULISAN SAJAK**

11:35	Encik Zurharman menerangkan apa itu sajak berdasarkan pandangan dan pengertian beliau.	Sesuatu yang ingin disampaikan dalam bahasa yang indah iaitu bahasa yang lebih dinamik dan isi hati seseorang serta apa yang ingin diceritakan oleh seseorang menggunakan keindahan bahasa.
13:21	Encik Zurharman menyatakan galakan yang diperolehi untuk menceburi bidang penulisan sajak ini.	Aura yang diperolehi daripada rakannya sendiri ketika beliau dibimbing untuk menceburi bidang penulisan sajak ini.
16:09	Encik Zurharman menyatakan judul sajak yang mula-mula dihasilkan.	Antara dua iaitu Gadis Dari Jendela Kereta Api atau Tanah Perkuburan.
18:19	Encik Zurharman menyatakan tentang bidang penulisan lain yang telah diceburi beliau selain penulisan sajak.	Bidang kewartawanan.
18:56	Encik Zurharman menceritakan tentang inspirasi yang didapati untuk terus kekal menceburi bidang ini.	Melalui ilham dan apabila sesebuah karya telah selesai ditulis dan dipamerkan dalam mana-mana akbar atau majalah.

**BAHAGIAN 5:**  
**AKTIVITI SEBAGAI PENULIS SAJAK**

21:18	Encik Zurharman menceritakan tentang perihal dan latar belakang sajak yang ditulis oleh beliau.	Sajak paling lama ditulis mengambil masa lebih kurang setahun. Sajak paling singkat ditulis lebih kurang tiga minggu.
-------	---	--

<b>BAHAGIAN 6: KARYA</b>		
25:40	Encik Zurharman menceritakan tentang karya-karya yang dihasilkan.	Gadis Dari Jendela Kereta Api Dari Puncak Kubah Itu Fajar Menyinsing
45:07	Encik Zurharman menceritakan tips untuk menjadi seorang penulis sajak yang berwibawa dan berbakat.	Kesabaran penting bagi seorang penulis.
46:43	Encik Zurharman menceritakan perasaan putus asa atau kecewa semasa berkarya.	Tinggal dahulu sebentar. Jangan gopoh ketika menulis.
<b>BAHAGIAN 7: LAIN-LAIN</b>		
49:03	Encik Zurharman menyatakan hal-hal lain yang dilakukan selain menulis sajak.	Pernah menulis skrip drama radio.
<b>BAHAGIAN 8: SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN</b>		
50:36	Encik Zurharman menceritakan kejayaan yang telah dicapai.	Dapat menyiapkan sebuah karya merupakan satu kejayaan buat beliau.
55:41	Encik Zurharman menyatakan prinsip hidup beliau.	Jangan ambil bodoh orang sebab kita sendiri dah bodoh.
<b>BAHAGIAN 9: HARAPAN</b>		
56:39	Encik Zurharman menceritakan rancangannya dalam bidang penulisan sajak selepas ini.	Ingin membuat satu antologi untuk sajak yang ditulis.
60:01	Encik Zurharman menceritakan harapan beliau terhadap bidang ini.	Untuk terus menulis dalam bidang ini.

## DIARI KAJIAN

Masa	Tarikh	Perkara	Tindakan
12.00 tengah hari - 2.00 petang	5 Okt 2023 (Khamis)	Mendapat Tugasan  Diberikan tugas oleh pensyarah, Puan Nurulannisa, bagi subjek Sejarah Lisan untuk membentuk dua ahli dalam satu kumpulan dan menemubual seorang tokoh dari Pantai Timur.	Membuat catatan mengenai tugas yang diberikan.
9.44 pagi - 9.46 pagi	19 Okt 2023 (Khamis)	Pemakluman Mengenai Tema  Puan Nurulannisa memberi makluman melalui grup WhatsApp berkenaan tema kajian lisan iaitu Tokoh Warisan Budaya dan Tokoh Kandungan Tempatan serta kriteria asas bagi tokoh yang bakal dipilih.  Pelajar diminta untuk menyiapkan abstrak kajian dan menghantarnya di platform Google Classroom untuk semakan tokoh yang dipilih.	Mencatat tema dan kriteria tokoh yang diberikan.
10.00 pagi	21 Okt 2023 (Sabtu)	Pencarian Tokoh  Memulakan pencarian tokoh menerusi laman sesawang Google.	Berbincang sesama ahli kumpulan mengenai tokoh yang sesuai untuk dipilih.
3.21 petang	30 Okt 2023 (Isnin)	Menghubungi Tokoh  Mula menghubungi tokoh untuk mendapatkan persetujuan bagi ditemu bual.	Akan dihubungi kembali untuk menyatakan kepastian.

10.00 pagi	4 Nov 2023 (Sabtu)	Menemui Tokoh  Pergi menemui tokoh di kedainya untuk mendapatkan persetujuan bagi ditemu bual.	Tokoh menyatakan persetujuan.  Mula menyediakan persiapan seperti penyediaan soalan untuk menemu bual.
4.18 petang	6 Dis 2023 (Rabu)	Mendapatkan Kelulusan Soalan Temu Bual  Soalan temu bual diluluskan oleh pensyarah.	Mula mencetak soalan temu bual.
3.00 petang	7 Dis 2023 (Khamis)	Menghubungi Tokoh  Menghubungi tokoh untuk menetapkan kembali temu janji.	Tokoh menyatakan akan memberitahu nanti.
10.00 pagi	8 Dis 2023 (Jumaat)	Tokoh Tidak Dapat Ditemu Bual  Tokoh menyatakan bahawa dia tidak dapat ditemu bual akibat kekangan masa kerana beliau sibuk dengan program yang akan disertai.	Mula mencari tokoh lain untuk ditemu bual.
3.00 petang	8 Dis 2023 (Jumaat)	Menerima Cadangan Tokoh dari Rakan Sekelas  Salah seorang rakan sekelas mencadangkan tokoh lain untuk ditemu bual.	Mula mencari info mengenai tokoh tersebut..

4.00 petang	20 Dis 2023 (Rabu)	Mendapatkan Persetujuan Tokoh untuk Ditemu Bual.  Bertemu dengan tokoh di rumah beliau bagi mendapatkan kebenaran untuk menemu bual beliau serta mengaturkan janji temu.  Mencadangkan tarikh untuk menemu bual adalah pada 3 Januari 2024 pada pukul 3 petang.	Membuat persediaan untuk proses seterusnya.
3.00 petang - 4.04 petang	3 Jan 2024  (Selasa)	Temu Bual Bersama Tokoh  Menemu bual tokoh yang dipilih pada 3 Januari 2024 pada pukul 3 petang bertempat di kediaman tokoh tersebut.  Mengucapkan terima kasih kepada tokoh kerana sudi ditemu bual.	Menerangkan semula agenda yang akan dilakukan kepada tokoh dan bersedia untuk rakaman video dan audio.  Sesi temu bual berlangsung kira-kira 1 jam 4 minit.

## **SENARAI SOALAN**

### **A. Latar belakang**

1. Assalamualaikum encik, boleh encik berikan nama penuh dan nama panggilan encik?
2. Boleh beritahu kami umur encik?
3. Bilakah tarikh lahir encik?
4. Di manakah encik dilahirkan dan dibesarkan?
5. Berapakah bilangan adik-beradik yang encik ada?
6. Encik merupakan anak yang ke berapa?
7. Pada tahun berapakah encik telah berkahwin?
8. Boleh kami tahu siapakah nama isteri encik?
9. Berapa orang anakkah yang encik ada?
10. Apakah nama anak-anak encik dan umur mereka?
11. Adakah antara anak-anak encik yang meminati bidang penulisan sajak ini?
12. Adakah dalam kalangan anak-anak encik yang mengikut jejak langkah encik dalam menceburi bidang ini?

### **B. Sejarah Pendidikan**

13. Boleh encik beritahu dimanakah encik bersekolah semasa zaman dahulu?
14. Bagaimanakah encik pergi ke sekolah pada ketika itu?
15. Apakah kenangan manis yang encik masih ingat semasa di zaman persekolahan?
16. Apakah subjek kegemaran encik di sekolah?
17. Apakah hobi dan cita-cita encik ketika encik masih bersekolah?
18. Setelah menamatkan pengajian, adakah encik ada melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya atau terus bekerja?
19. Apakah pencapaian tertinggi yang encik peroleh semasa bersekolah?
20. Adakah encik pernah mengikuti apa-apa kursus profesional?

## **C. Kerjaya**

### **C 1. Kerjaya Awal**

21. Boleh encik nyatakan pekerjaan yang dilakukan selepas encik menamatkan pengajian?
22. Siapakah yang mencadangkan encik untuk bekerja dalam pekerjaan tersebut?
23. Berapa lamakah encik bekerja dalam pekerjaan tersebut?
24. Berapakah gaji yang encik peroleh dengan pekerjaan tersebut pada ketika itu?
25. Adakah pekerjaan tersebut memberikan apa-apa impak kepada diri encik?
26. Selain daripada pekerjaan tersebut, adakah pekerjaan lain yang diceburi oleh encik pada ketika itu?

### **C 2. Bidang Penulisan Sajak**

27. Boleh encik ceritakan bagaimana encik boleh terlibat dalam bidang penulisan sajak ini?
28. Menurut encik, apakah maksud sajak?
29. Adakah bidang penulisan ini diwarisi secara turun-temurun?
30. Adakah encik mendapat galakan atau dorongan dari mana-mana pihak? Jika ada, siapakah orang tersebut?
31. Adakah encik ada menggunakan nama pena dalam bidang penulisan sajak ini? Sekiranya ada, apakah nama tersebut?
32. Di manakah encik belajar menulis sajak?
33. Apakah sajak yang mula-mula encik hasilkan?
34. Adakah encik ada menyimpan penulisan sajak yang mula-mula dihasilkan?
35. Berapakah anggaran jumlah sajak yang telah encik hasilkan sehingga kini?
36. Sudah berapa lamakah encik terlibat dalam bidang penulisan ini?
37. Apakah yang membuatkan encik berminat dengan penulisan sajak ini?
38. Apakah yang memberi inspirasi kepada encik untuk terus menceburi bidang penulisan sajak ini?
39. Siapakah idola encik dalam bidang ini?

40. Sekiranya ada, boleh encik berikan sebab mengapa encik mengagumi beliau?
41. Adakah encik mempunyai rakan-rakan yang turut melibatkan diri dalam bidang ini?
42. Boleh ceritakan sedikit tentang cabaran yang encik pernah hadapi sepanjang terlibat dalam bidang ini?
43. Adakah encik ada menghasilkan karya ketika pandemik Covid-19 atau apa-apa karya yang berkaitan dengan pandemik Covid-19?
44. Apakah pengalaman manis yang dapat encik kongsikan sepanjang encik berada dalam bidang ini?

### **C 3. Aktiviti Sebagai Penulis Sajak**

45. Boleh encik beritahu kami berapa jenis sajak yang telah encik tulis?
46. Bagi menghasilkan sebuah sajak, berapa lamakah masa yang encik perlukan untuk menulisnya?
47. Berapakah tempoh masa yang paling singkat dan paling lama untuk encik menulis?
48. Selama setahun, berapakah anggaran jumlah sajak yang dapat ditulis?
49. Jikalau encik tidak keberatan, bolehkah encik kongsikan rahsia encik dalam menghasilkan sajak yang menarik dan berkualiti?
50. Adakah encik mengikuti apa-apa teknik dan proses ketika menulis sajak?
51. Pernahkah encik mendeklamasi sajak encik di mana-mana?
52. Adakah encik ada menyertai apa-apa pertandingan berkaitan dengan bidang ini?

### **C 4. Karya**

53. Adakah sajak yang encik hasilkan ada diterbitkan dalam mana-mana akhbar? Jikalau ada, apakah nama akhbar tersebut?
54. Selain dari yang disebutkan, adakah sajak encik ada diterbitkan di tempat lain?

55. Adakah sajak encik pernah dikompilasikan atau dibukukan oleh mana-mana pihak?
56. Pernahkah sajak encik menjadi sumber inspirasi atau bahan rujukan oleh orang lain untuk dijadikan sesuatu karya yang lain?
57. Sepanjang encik menulis sajak, apakah sajak yang paling susah untuk ditulis? Jika ada, mengapa?
58. Apakah sajak encik yang paling encik suka?
59. Apakah sajak yang paling mendapat perhatian atau sambutan yang pernah encik tulis?
60. Adakah sajak yang encik tulis mempunyai apa-apa tema tertentu? (genre)
61. Kebiasaananya, kebanyakan sajak yang encik tulis mengisarkan tentang apa? (isu,topik)
62. Apakah sajak yang paling panjang yang pernah encik tulis?
63. Boleh encik nyatakan serba sedikit tajuk-tajuk sajak yang pernah encik tulis?
64. Apakah persediaan yang encik lakukan setelah mendapat ilham untuk menulis sesuatu karya?
65. Bagaimanakah encik menunjukkan kelainan atau keunikan di dalam sajak encik?
66. Apakah karya terkini yang telah encik hasilkan?
67. Adakah encik masih aktif dalam menulis sajak?
68. Adakah encik ada melancang atau mengembara ke mana-mana untuk mendapatkan idea dalam berkarya? Jika ada, di mana?
69. Selain dari menulis, adakah encik mempunyai bakat lain yang tidak diketahui umum?
70. Apakah medium yang encik sering gunakan untuk mendapatkan ilham?
71. Apakah perasaan yang menyelubungi diri encik ketika berkarya?
72. Pada pandangan encik, apakah perbezaan antara gaya penulisan sajak pada zaman dahulu dengan zaman sekarang?
73. Bagaimana pula dengan kualiti sajak pada kedua-dua zaman itu?
74. Bagi encik, apakah ciri-ciri yang perlu ada bagi seorang penulis?
75. Boleh encik berikan sedikit tips untuk menjadi seorang penulis sajak yang berwibawa dan berbakat?

76. Apakah aspek yang perlu ditekankan oleh seorang penulis dalam penulisan sajak?
77. Pernahkah encik merasa putus asa atau kecewa semasa berkarya?
78. Bagaimana encik bangkit dari rasa kecewa atau putus asa tersebut?
79. Apa yang encik lakukan ketika ketiadaan idea atau kebuntuan semasa menulis sajak?

#### **C 5. Lain-lain**

80. Selain daripada menulis sajak, adakah encik ada melakukan aktiviti lain?
81. Berdasarkan perbualan kita yang lepas, encik ada menyatakan tentang penghasilan skrip drama radio. Saluran radio manakah yang dimaksudkan encik pada ketika itu?

#### **D. Sumbangan dan Pencapaian**

82. Adakah encik ada mengusahakan untuk memperkenalkan penulisan sajak ini ke peringkat antarabangsa?
83. Apakah kejayaan yang telah encik capai dalam bidang ini?
84. Adakah encik ada mendapat anugerah atau apa-apa penghargaan sepanjang menceburि bidang penulisan ini?
85. Pernahkah encik di temubual oleh mana-mana pihak media sebelum ini?
86. Apakah perasaan yang encik dapat kongsikan seandainya encik di temu bual oleh pihak media?
87. Apakah cabaran yang dihadapi selama encik mendapat saguhati?
88. Adakah encik turut menerima apa-apa pengiktirafan daripada mana-mana badan kesenian?
89. Siapakah yang sering memberikan motivasi dan sokongan kepada encik?
90. Boleh encik kongsikan kejayaan tertinggi encik sepanjang penglibatan dalam bidang ini?
91. Apakah kelebihan kejayaan tersebut kepada encik?
92. Boleh nyatakan prinsip hidup encik?

93. Pada pendapat encik bagaimakah penulisan sajak ini memberi impak kepada masyarakat dan negara?

#### **E. Harapan**

94. Apakah rancangan encik dalam bidang penulisan sajak selepas ini?

95. Boleh kongsikan rahsia kejayaan encik untuk berjaya dalam kerjaya dan kehidupan?

96. Apakah nasihat yang paling encik ingati sehingga kini?

97. Adakah encik mempunyai apa-apa pengharapan berkenaan dengan penulisan sajak ini terhadap anak-anak encik?

98. Boleh berikan pandangan/harapan encik terhadap bidang penulisan sajak ini?

99. Adakah hasrat/impian encik yang masih belum tercapai pada saat ini?

100. Selain itu, apakah harapan encik terhadap bidang penulisan sajak kepada masyarakat dan negara serta kepada generasi yang akan datang?

101. Boleh encik berikan tips kepada generasi kini untuk terus menceburι bidang/perkara baru?

102. Sebelum kita mengakhiri temubual ini, sudikah encik memberikan sedikit pandangan dan nasihat kepada generasi masa ini yang berkecimpung dalam bidang penulisan?

## SURAT PERJANJIAN



### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Mohd. Zukirunuz Mohamad Jaf K/P: .....  
316 Juzur dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh Mohd. Zukirunuz  
Tarikh: 3/6 Junai 2020

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p. Penolong Naib Canselor  
Pengajian Sains Maklumat  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

## GAMBAR



Gambar 1: Tokoh menandatangan Surat Perjanjian



Gambar 2: Penyerahan cenderamata kepada tokoh

### DETIK MENYINSING

Dini, sunyi - hening  
melabir makna bulan.  
bintang dan angin.

Aku tidak berada  
di hari semalam lagi  
pada subuh ini.

Bagai fajar detik  
menyinsing - sekelip pergi  
semuncul matahari.

Sehelai uban menggesel  
meluyut  
hujung keningku.

Tetapi aku sering  
terlupa, malam  
Sangat singkat.

Kadang tiada sempat  
menjaring mimpi  
untuk dilihat.

Akan bertemuah aku  
dengan dini  
Subuh esok lagi.

**ZUHARMAN MOHAMMAD NOR**  
Kubang Kerian

### WALAU AKU TIDAK MENATAP HARIMU LAGI

(buat anakku Qaleesa)

Lama kumenatap  
harimu  
sebelum menjadi puisi.

Rintik embun - bening  
fajar menyambut  
tangis pertama.

Seluruh lenganku  
meriba rusuk  
kecilmu.

Rasaku - kauterakhir  
selepas, empat  
kakakmu di atas.

Telapak kakiku sudah  
sayup, mengheret sisa  
hampir ke tanah makam

Sementara kaurajin  
menconteng kalam  
sedetik nalurimu.

Tetapi esok, kau  
harus belajar  
makna sekecil titik.

Biar kertas, tidak  
tercemar, oleh huruf  
yang kautulis.

Walau ketika itu  
aku tidak menatap  
harimu lagi.

**ZUHARMAN  
MOHAMMAD NOR**  
Kubang Kerian

## Sajak

### SEPATUMU MASHI DI SITU

Kau tinggalkan sepatu  
di kaki surau tua ini  
pagi redup dan bungkam.

Katamu akan kembali lagi  
ke sini menyambung zikir  
tiada bermotah.

Benar katamu  
sebelum diusung pergi  
hidup adalah pencartan.

"Saya saudara baharu,  
banyak  
huruf harus dicari dan  
perlu dieja."  
Kuangat harimu itu.

Walau sekelip iktaifmu  
kerangat pada dinding surau  
terasa basahnya lagi.

Tikar, sejidadah, buhkan tandas  
bersih sekali. Tiada sehelai  
kertas

MINGGUAN MALAYSIA  
AHAD • 20 SEPTEMBER 2020

31

## Sastera

atau daun-daun kering di  
laman.  
Cermati sosokmu pantas  
di kaki rehal sebelum  
waktu  
menjerit, masih cerah.

Hari ini leluhur itu tiada  
yang ada hanya soalan  
"Di surau mana engkau  
kim?"

Pintu surau tua ini, tidak  
pernah tertutup untukmu  
menyambung zikir di sini  
lagi.

Ratusan waktu berlalu  
kami terus merindu, dan  
sepatumu masih di situ.

**ZUHARMAN  
MOHAMMAD NOR**  
Kubang Kerian

### DARI PUNCAK KUBAH ITU

Dari puncak kubah itu  
kepadang alif, tegak  
dengan sifat dan makhraj.


Raudah menggena ratib  
memahat makna asma,  
kitab dan nyawa.

Lewat pintu makam  
tauhid bangkit, syahadah  
mencejap insaf.

Kurasakan langit sakinhah  
terhampar panjang di laman  
merentas ubun-ubun kecil.

Sebelum meninggalkan pintu  
kudengar bisik, "Kunciakan syahadahmu  
dengan alif dari puncak kubah itu."

**ZUHARMAN MOHAMMAD NOR**  
Madinah.



## Sastera

### Sajak

**SELAMAT JALAN KAK TEH - AKU JUGA AKAN PERGI**

Tak pernah jenuli ku isi detik dengan cinta dan rindu.	sekelip berlalu.
Selalu ku ingat kebaya, kaupakai di pagi raya.	Tengah hari itu rejab agung, kau pulang pada llahi.
Cantik, anggun sekali tetapi harus disimpan sehabis takbir.	Meninggal cinta, rindu, kebaya dan bahasa alam - sepi.
Kita menyusur peta jauh, di sana indah bahasa alam	Selamat jalan Kak Teh moga damai dalam kasihNya.
Musim luruh, daun gugur tiada yang kekal.	Kita bertemu nanti di sana, kerana aku juga akan pergi.
Bagai angin, masa tidak menunggu	<b>ZUHARMAN MOHAMMAD NOR</b> Kubang Kerian

Gambar 3: Antara sajak tokoh yang diterbitkan di akhbar

## **INDEKS**

### **A**

akhbar, 13, 17, 19, 45, 52, 53

### **K**

karya, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 20, 21, 24, 26, 27, 29, 32, 34, 38, 39, 45, 46, 53

### **B**

bahasa, 10, 16, 18, 22, 24, 27, 37, 53

### **M**

menulis, 9, 11, 13, 15, 16, 17, 18, 20, 21, 22, 23, 25, 28, 29, 30, 31, 32, 39, 44, 45, 46, 47, 53

### **D**

dinamik, 10, 16, 37, 53

### **P**

penulisan, 2, 4, 6, 7, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 22, 24, 26, 27, 29, 30, 31, 32, 36, 37, 38, 39, 43, 44, 46, 47, 48, 54

### **I**

ilham, 13, 20, 21, 22, 38, 46, 54  
indah, 10, 16, 18, 22, 37, 54

### **S**

sajak, 2, 4, 9, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 28, 29, 30, 31, 32, 36, 37, 38, 39, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 52, 54